

NO. SOALAN: 151

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
(PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]

SOALAN :

Dr. Haji Izani bin Haji Husin (Pengkalan Chepa) minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan peruntukan undang-undang yang membolehkan badan wakaf diuruskan oleh badan-badan atau syarikat-syarikat selain daripada Majlis Agama Islam Negeri bagi menggalakkan penyertaan sektor korporat dalam bidang wakaf; dan
- (b) apakah perkembangan terbaru mengenai pelaksanaan Pelan Induk Wakaf Korporat dan bagaimana ia bakal dijalankan.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, wakaf adalah termasuk dalam senarai bidang kuasa negeri mengikut peruntukan Butiran1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Pesekutuan. Oleh itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku **pemegang amanah tunggal** bagi semua wakaf mempunyai kuasa untuk melantik badan-badan atau syarikat bagi menguruskan wakaf sebagai mutawali di negeri masing-masing. Sebagai contoh, bagi Negeri Kelantan, wakaf adalah tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan, Seksyen 61 hingga 66

Di peringkat Persekutuan, Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah ditubuhkan untuk mempertingkatkan amalan berwakaf di kalangan masyarakat Islam meliputi individu dan kumpulan termasuk di kalangan mereka yang terlibat dalam sektor korporat. Sehubungan itu, YWM berperanan untuk mendekati dan menarik penyertaan sector korporat dalam bidang wakaf melalui kerjasama pelbagai hala bagi memperluaskan lagi penglibatan semua pihak dalam memajukan wakaf di Malaysia.

(b) Kajian khas mengenai Pelan Induk Wakaf Korporat telah dipersetujui dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Perkara ini masih lagi berada di bawah tindakan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.